

## WACANA PEMIKIRAN BUDAYAWAN AZAH AZIZ

Peninggalan Azah Aziz atau lebih dikenali sebagai Mak Ungku dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan Melayu cukup besar. Setelah beliau pergi buat selama-lamanya pada tanggal 9 Julai 2012, sumbangan Mak Ungku diperdengarkan dalam wacana setengah hari oleh tokoh-tokoh yang berwibawa dan mengenali beliau. Wacana anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun dengan kerjasama Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) diadakan pada 21 November 2013, bertempat di Bilik Serbaguna 1, Perpustakaan Tuanku Bainun.

Antara objektif wacana ialah untuk menyelami dan mengkaji pemikiran pejuang budaya (budayawan) Melayu terkenal, iaitu Azah Aziz. Wacana ini memberi input dan nilai tambah kepada masyarakat berkaitan isu-isu semasa serta meningkatkan penghayatan dan pengalaman masyarakat terhadap budaya Melayu. Di samping itu para peserta dapat memperkaya minda melalui perkongsian ilmu di perpustakaan.



## Dari Meja Ketua Pustakawan



Perpustakaan sentiasa mengutamakan budaya membaca untuk melahirkan masyarakat berilmu dan *k-workers*. Penekanan ini bermula dengan warga kampus terutamanya pelajar dan pensyarah universiti. Dalam konteks *borderless world* peranan perpustakaan bukan hanya di universiti atau institusi malahan secara meluas dan holistik. Peranan penting perpustakaan masa kini telah diiktiraf dunia dengan adanya Hari Buku Sedunia dan *International Literacy Day*.

Ilmu pengetahuan yang dijana daripada koleksi bercetak dan sumber elektronik terutama buku dan jurnal elektronik sangat penting untuk rujukan, tambah nilai dan penyebaran atau perkongsian ilmu di antara pelanggan perpustakaan dengan masyarakat luar. Percambahan ilmu dan maklumat terjadi hasil daripada pembentangan kertas kerja di dalam seminar dan persidangan, penyelidikan, penulisan dan penerbitan buku dan jurnal untuk menghasilkan ilmu baharu.

Perpustakaan juga relevan dengan arus perubahan teknologi dan media sosial yang semakin digemari pelanggan. Blog dan Facebook perpustakaan menjadi medium komunikasi di antara perpustakaan dan pelanggan dan untuk mendapat respon segera di alam maya. Transformasi perpustakaan dengan pelbagai sumber elektronik telah merancakkan lagi akses kepada ilmu dan maklumat secara maya dan tidak bergantung semata-mata kepada kunjungan fizikal pelanggan ke perpustakaan. Semoga manfaat membaca, mendapat dan menyebarkan ilmu menjadi rutin seharian para pelanggan perpustakaan untuk menghadapi kehidupan dunia yang kian mencabar.

Rusliza Yaacob

## Dari Meja Ketua Pengarang



Penghujung tahun 2013 menampilkan beberapa perubahan besar dan ketara bagi koleksi, perkhidmatan dan kemudahan serta sistem penyampaian perpustakaan. Koleksi rujukan di Aras 1 perpustakaan telah dipindahkan daripada ruang tengah ke ruang tepi sebelah kiri berhampiran bilik karek. Ruangan tengah telah menjadi lokasi *reading area*. Koleksi Novel ditempatkan di Aras 4 dengan konsep yang lebih santai dan warna warni. Bilik bacaan 24 jam pula menjadi lebih cantik dan kondusif untuk membaca dan berbincang. Projek perpindahan dan penambahbaikan besar-besaran ini telah dilaksanakan dengan gigih oleh semua kakitangan yang menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi.

Pembukaan *Knowledge Cafe* menjadi *learning commons* perpustakaan dengan adanya *Teabrary*, bilik perbincangan, ruang komputer dan ruang santai. Ruangan ini menarik lebih ramai pelanggan terutama pelajar universiti dan pelajar sekolah. Ini adalah di antara usaha perpustakaan untuk menyuburkan budaya membaca dan mencari ilmu.

Buletin kali ini memaparkan artikel-artikel menarik untuk maklumat tambahan pelanggan perpustakaan dan masyarakat luar. Program ilmunan sempena Pesta Buku UPSI 2013 dan Program Wacana Pemikiran Budayawan Azah Aziz menjadi penutup tirai tahun 2013 dengan kenangan indah. Begitu juga pelbagai pameran yang diadakan di perpustakaan terutamanya Pameran Hari Buku Sedunia, Pameran Azah Aziz : Kartika di Langit Seni dan Pameran Bahasa Arab dan Kaligrafi.

Perpustakaan akan terus menyemarakkan budaya membaca dan keilmuan di universiti. Selamat membaca!

Sumaizan Ramli



#### Dari mukasurat 1

Wacana dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UPSI, Profesor Dr. Omar bin Abdull Kareem, manakala tokoh bahasa terkenal, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim telah menyampaikan ucapan utama yang menyentuh tentang pemikiran Azah Aziz dalam puisi Melayu. Ahli-ahli panel yang membicarakan pemikiran budayawan ini termasuklah Dr. Siti Zainon Ismail, seorang pengkaji budaya Melayu, Puan Salmiah Ismail dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Puan Zubaidah Abdul Rahman, bekas wartawan dan editor *Berita Harian* dan Profesor Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin dari UPSI.

Sempena wacana ini, satu pameran yang berjudul *Azah Aziz: Kartika di Langit Seni* diadakan di Aras 1, Perpustakaan Tuanku Bainun. Pewacanaan daripada ahli-ahli panel yang berwibawa, banyak menyumbang kepada kehadiran peserta yang memberangsangkan, terdiri daripada pelbagai kelas peserta. Majlis ujana ilmu sebegini patut dilipatgandakan dalam sebuah taman ilmu bergelar universiti.



### KIK Oasis menyertai Konvensyen KIK UPSI kali ke-8 2013

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Oasis telah mewakili Perpustakaan Tuanku Bainun dalam Konvensyen KIK UPSI kali ke-8 2013 yang berlangsung pada 12 Disember 2013 bertempat di Dewan Sri Tanjong, UPSI. Konvensyen ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Akademik dan Kualiti (BPAQ). Oasis membentangkan projek bertajuk “Ketidakhadiran Pelajar Baharu Prasiswazah dalam Program Pendidikan Pengguna”. Konvensyen ini juga telah disertai oleh 4 kumpulan yang lain. Semua kumpulan telah mengemukakan projek yang mengagumkan para juri. Konvensyen ini telah diungguli oleh Kumpulan *Galaxy* (Governan); Kedua, *Brain Q* (Bendahari) dan Ketiga, *V-Tech* (Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta Benda). Sempena konvensyen ini, BPAQ juga telah menganjurkan Pertandingan Poster Idea Kreatif dan Inovatif. Wakil Perpustakaan Tuanku Bainun, Encik Khairul Asyrani Sulaiman bersama Encik Mohd. Hizam b. Samin dengan poster bertajuk *I-Pustaka* telah mendapat tempat kedua.

## SEKITAR PESTA BUKU UPSI

Bil. 17/ Disember 2013



Berbagai program dan wacana ilmu diadakan sempena Hari Ilmu dan Budaya Membaca Perpustakaan Tuanku Bainun 2013. Pesta Buku UPSI 2013 dianjurkan secara bersama oleh Perpustakaan Tuanku Bainun dan Pejabat Karang Mengarang. Kerjasama ini telah terjalin sejak penganjuran Pesta Buku UPSI 2007. Kumpulan sasar ialah semua warga UPSI dan Tanjong Malim. Ia diadakan pada 7 sehingga 10 Oktober 2013 di Dewan SITC.



'Geng Lukih' dari Creative Enterprise

Saudara Shahrul Azilan bin Said dari Malaysia Relief Agency turut hadir memberikan ceramah mengenai kerja-kerja kemanusiaan, serta pengalaman MRA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Turut mencuri tumpuan ialah kehadiran penulis tersohor 'Ayat-ayat Cinta', Saudara Habibur Rahman El-Shirazi.



# Lakukan penyelenggaraan komputer anda sendiri : Cara mudah !

Oleh Khairul Asyrani bin Sulaiman

Artikel kali ini saya akan memperkenalkan tiga perisian percuma yang boleh anda gunakan untuk memperbaiki prestasi komputer anda di tempat kerja dan juga di rumah.

**Ccleaner** adalah perisian untuk anda menyingkirkan fail-fail yang tidak lagi digunakan oleh sistem pengoperasian komputer anda. Usah bimbang, yang dibuangnya bukanlah fail yang anda hasilkan, tetapi adalah fail-fail sementara yang dihasilkan secara automatik tatkala anda menggunakan satu-satu perisian. Gunakan fungsi Cleaner secara kerap untuk prestasi komputer maksimum.


Ianya boleh dipindahterima secara **PERCUMA**.



**Defraggler** pula adalah perisian untuk anda menyusun semula kedudukan-kedudukan fail di dalam cakera keras anda agar 'perjalanan' cakera keras anda sentiasa teratur dan 'tidak melompat-lompat'. Anda tentu biasa dengan bunyi 'ketak-ketak' apabila anda menggunakan komputer. Ini adalah bunyi daripada cakera keras yang cuba membaca fail yang terletak berjauhan antara satu sama lain. Dengan Defraggler 'yang jauh di dekatkan'. Juga adalah **PERCUMA**.

Seterusnya, **Malwarebytes** bukanlah pengganti kepada perisian antivirus. Tetapi ianya adalah tambahan. Laksanakannya sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk menyemak kandungan cakera keras anda daripada virus dan malware yang tertinggal untuk disemak oleh perisian antivirus anda. Dan ya, ia juga **PERCUMA**.

Gunakan Google untuk mencari dan memindahterima ke semua perisian yang saya nyatakan di atas :)



## PAMERAN PERPUSTAKAAN

Foto sekitar pameran yang disediakan sepanjang tahun di Ruang Pameran Aras 1.



Pameran Hari Wanita Sedunia pada Mac-April 2013



Pameran Hari Buku Sedunia pada Mei - Jun 2013



Pameran Kereta Nasional (Proton) pada April - Mei 2013



Pameran Sempena Bulan Ramadan Al-Mubarak pada Julai-Ogos 2013



Pameran Anak Kandung Suluh Budiman  
pada Julai-September 2013



Mini Pameran (Tree Ideas & QR Code)  
Oktober-September 2013



Pameran Sempena Hari Keamanan Sedunia  
pada September-Oktober 2013



Pameran 'Azah Aziz: Kartika di Langit Seni'  
pada November-Disember 2013



Abigail Luthmann, (2007) "Librarians, professionalism and image: stereotype and reality", *Library Review*, Vol. 56 Iss: 9, pp.773 - 780.

....Continue from last issue..

This example is clear evidence from within the profession of a paranoia about external perceptions of the job. The Media-watching page of Update charts this on a monthly basis, where eager librarians send in examples from around the world of good or bad portrayals of the profession in the mass media. This serves to reinforce the perceptions of the negative stereotype and even a sense of victimization, although an occasional positive mention of the profession does sometimes appear.

A more useful approach to sensitivity over self-image may be to actively counter the negative portrayals with positive behaviour, a tactic advocated in a lengthy discussion on the LIS-PROFESSION discussion list:

The "image" of a profession is created by people's personal experience of it. It is down to librarians and information professionals at the grass roots level offering excellent service to their users/customers ([Ayre, 2003](#), online).

Such discussion lists often attract heated debate over issues of image, again illustrating the level of feeling within the profession. The belief that the mass media works to persecute the profession has been shown to be unfounded ([Robinson, 2006](#), p. 13), and promotion of the positive aspects of libraries needs to be improved, particularly as it appears within the professional press.

### **Whose job is it anyway? Changing job titles and changing roles**

Although cries of a crisis in the library world are certainly nothing new (Buschman, 2003, p. 3), the recent restructuring within many public library authorities has led to renewed anxiety over the professional role. Many authorities have changed job titles, removing the word librarian, and responsibilities have shifted in many cases from enquiry desk-based work to focusing on engaging new audiences. In addition, some authorities are recruiting those without a library qualification or background to librarian-equivalent posts. Changes of this sort can be perceived as very threatening by some and at the least, unsettling.

The motivations behind such deep cultural change are many, focusing around the need to account for the services impact and local government expenditure. The new opportunities offered in many cases by changing roles can allow for an exciting new breadth to professional practice; however reports from the field suggest that in reality reactions are mixed:

Some SDOs (Service Development Officers) have blossomed and grasped the opportunities to go out and work with communities and develop new audiences for our services. Other colleagues are finding it more difficult to work in a totally new way, freed from the constraints of enquiry desk timetabling and a set pattern of late-nights and Saturdays ([Jones, 2005](#), p. 38).

That some colleagues are unwilling to change and embrace a new "freedom" is the explicit criticism here, and illustrates a negatively traditional notion of the library profession as tethered to the enquiry desk and fearful of change.

There are many examples of positive staff development programmes in the library sector to challenge and engage with new generations of staff from a variety of backgrounds. Some authorities run internal programmes for example Nottinghamshire Libraries' "Performance through People" programme aimed to develop the leadership skills of new professionals ([Edmonds and Owen, 2006](#), p. 8). Others have specially created posts to develop new entrants to the profession, including West Sussex Libraries who have several Trainee Librarian posts based at their major libraries who benefit from a comprehensive development programme and are expected to achieve chartered membership of CILIP during their time in position. National programmes, such as the Leading Modern Public Libraries: Future Leaders and the network of events provided by CILIP's special interest groups across the country provide opportunity for the pro-active professional to continue their development.

The challenges of changing roles and work environments can be unsettling, but it is through an informed engagement with the implications and realities of change upon the professional role that we can shape our future for ourselves.

### **Take me to your librarian: possible futures**

Insecurity over the professional role has existed since the first modern librarians, and the pleas made a century

ago for recognition and fair remuneration still resound in professional discourse. An insecurity over status and a sensitivity over self-image has achieved little so far, whilst the perception of persecution by stereotype has been shown to be dated. It is a matter of choosing the positive aspects of cultural influences to inspire us and shouting loud about the good work we all do, both big and small.

The image we seem to worry about most – that of the middle-aged spinster librarian – is basically irrelevant and unimportant. What is important is the view of the librarian and the library as foreboding, boring, complicated, largely inaccessible, or worse, irrelevant (Schuman, 1990, p. 86).

Every professional proud to call themselves a librarian must work daily to counter this view, not alone but in partnership with professional networks and organisations, who in their turn must consistently operate a vibrant and engaged promotional strategy, representing on the national stage the skills and experience of their workforce.

The first librarian in the US Congress, Major Robert Owens, offers this vision of one possible future for librarianship, eloquently capturing the centrality of positive action to the role of librarian:

On more than one occasion I have dreamed that a spaceship from some advanced civilisation on another planet has landed and that the ship's captain has disembarked uttering the words: 'Take me to your librarian'. If current developments are carried to their logical conclusion, it will result in the accumulation of powerful, capable persons with the mentality and orientation of librarians. Generalists, people who have mastered the encyclopaedic approach to problem solving, consistently have been the leaders of modern societies (Owens, 1979, p. 3).

Maybe we worry too much about the stereotypes of both how we look and what we do. It is however crucial that people have a clear idea of the range of services we actually offer. To achieve this, what we do must be relevant and in consultation with the communities we serve, consistent across the country and most of all, shouted about, really loudly.

## References

- Ayre, S. (2003), "Image of librarians", *LIS-PROFESSION*, (online), .
- (2003), *Dismantling the Public Spere: Situating and Sustaining Librarianship in the Age of the New Public Philosophy*, Libraries Unlimited, Westport, pp.3.
- Creaser, C. (2007), *Life@work Survey: Final Report*, LISU, Loughborough, .
- Define Research and Insight (2006), *MLA, DCMS, Laser Foundation: A Research Study of 14-35 Year Olds for the Future Development of Public Libraries*, Define, London, .
- Department for Culture, Media and Sport (2003), *Framework for the Future*, DCMS, London, .
- Dilevko, J., Gottlieb, L. (2004), "The portrayal of librarians in obituaries at the end of the twentieth century", *Library Quarterly*, Vol. 74 No.2, pp.152-80.
- Dolan, J. (2007), *A Blueprint for Excellence*, MLA, London, (online), .
- Edmonds, D., Owen, K. (2006), "Performance through people", *Public Library Journal*, Summer, Vol. 21 No.2, pp.8-9..
- Highsmith, D. (2002), "The long, strange trip of Barbara Gordon: images of librarians in comic books", *The Reference Librarian*, Vol. 78 pp.61-83.
- Jones, M. (2005), "Refocusing traditional roles: the Essex approach", *Update*, Vol. 4 No.10, pp.36-8.
- Kroll, E. (2004), "Breaking the mold: information professionals as action figures and reality show characters", *Information Outlook*, Vol. 8 No.2, pp.17-18, 20-21.
- Love Libraries (2006), *Young Librarians of the Future*, (online), (s.l.): (s.n.), available at: [www.lovelibraries.co.uk/librarians.php](http://www.lovelibraries.co.uk/librarians.php), .
- Owens, R.O. (1979), "Librarian as decision maker", in, in Sellen, B.C. (Eds), *What Else can you do with a Library Degree?*, Neal-Schuman, New York, NY, pp.3.
- Robinson, L.T.K. (2006), "Curmudgeons and dragons? A content analysis of the Australian print media's portrayal of the information profession 2000 to 2004", *Libres*, Vol. 16 No.2, pp.10-11..

# Program Pendidikan Pengguna Bantu Menjayakan Program Smart Pasca

Oleh : Afzanizam b. Dullah Hashim



Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan satu program khusus untuk pelajar pascasiswazah iaitu Program Smart Pasca yang telah diadakan dari 26-30 November 2013. Program Smart Pasca dibentuk oleh pihak IPS bagi memenuhi keperluan pelajar pascasiswazah mengikuti satu pakej khas semasa musim cuti sekolah bagi tahun 2013. Program ini mensasarkan 60 orang peserta terawal sahaja. Program ini telah menggariskan enam objektif utama dan salah satunya adalah memberi peluang kepada pelajar mendalami dan mempelajari hal berkaitan perkhidmatan yang sedia ada di Perpustakaan Tuanku Bainun.

Bagi menjayakan objektif dan sasaran program ini, Perpustakaan Tuanku Bainun telah diberi mandat untuk membantu para peserta khusus untuk mempelajari perkhidmatan dan kemudahan yang ada di perpustakaan. Slot untuk perpustakaan bermula jam 8.00 malam hingga 10.00 malam bermula 26 – 29 November 2013. Lokasi program adalah di Bilik Serbaguna 1, Aras 4, Perpustakaan Tuanku Bainun. Program yang telah diadakan adalah Program Pendidikan Pengguna. Kandungan program adalah penggunaan Pustaka Knowledge Portal, penggunaan pangkalan data atas talian, panduan penyediaan bibliografi dan lawatan berpandu perpustakaan. Program dijalankan secara taklimat dan 'hands on'. Pada malam pertama, peserta telah diberi taklimat pengenalan kepada perpustakaan, penggunaan Pustaka Knowledge Portal dan penggunaan OPAC. Pada malam ke dua, peserta didedahkan kepada penggunaan pangkalan data Proquest, pangkalan data Ebscohost dan penyediaan bibliografi gaya APA melalui sistem yang disediakan. Pada malam ketiga, peserta didedahkan kepada penggunaan pangkalan data Springerlink, pangkalan data BLIS, pangkalan data Taylor and Francis dan pangkalan data Emerald. Pada malam terakhir, peserta didedahkan kepada penggunaan Refworks, pangkalan data I-SYS dan sesi soal jawab. Tepat jam 9.30 malam peserta dibawa melawat sekitar perpustakaan.



Secara keseluruhannya, program seumpama ini telah membantu peserta dalam proses pembelajaran mereka di UPSI. Maklumbalas hasil dari program ini juga amat memberangsangkan. Ini kerana peserta berpuashati dengan program yang dihadiri yang dikatakan banyak membantu mereka kelak. Pihak IPS perlu meneruskan program seumpama ini pada masa-masa akan datang dan penglibatan perpustakaan amatlah diharapkan.

# Berita Kelab

## Kakitangan Perpustakaan (KLIK)

Bil. 17/ Disember

Sepanjang Julai sehingga Disember 2013, Kelab Kakitangan Perpustakaan (KLIK) telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti. Antara program yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:-

| AKTIVITI / PROGRAM                    | TARIKH                                  |
|---------------------------------------|-----------------------------------------|
| Majlis Tadarus Al-Quran               | 10-22 Julai 2013                        |
| Tazkirah Ramadhan                     | Perjumpaan pagi Rabu sepanjang Ramadhan |
| Majlis Khatam Al-Quran                | 23 Julai 2013                           |
| Iftar Semarak Ramadhan 2013           | 23 Julai 2013                           |
| Jualan sempena Pesta Konvokesyen UPSI | 9 – 13 September 2013                   |
| Jualan di pantry kakitangan           | Bermula 1 Oktober 2013                  |
| Jualan di Pesta Buku UPSI 2013        | 7-12 Oktober 2013                       |
| Pertandingan Badminton                | 6-8 November 2013                       |
| Sports Day KLIK 2013                  | 23 November 2013                        |
| Jualan di Teabrary                    | Bermula 16 Disember 2013                |
| Majlis Sekalung Budi, Setulus Hati    | 24 Disember 2013                        |



Jualan ketika Pesta Konvokesyen UPSI



Jualan ketika Pesta Buku UPSI



Majlis khatam Al-Quran

Meraikan Cik Noraiada dalam Majlis Sekalung Budi, Setulus Hati



Permainan Awang Kata untuk acara sukaneka



Pertandingan badminton



Ceramah agama pada Majlis Iftar Semarak Ramadhan



Juara Sports Day KLIK dimenangi oleh Kumpulan Springer

# UHF VS HF

Oleh: Mohamed Zaid Idris

RFID merupakan sebuah teknologi yang semakin berkembang dari masa ke semasa. Bermula dengan penggunaan di sektor industri, sektor ini kini banyak beralih ke sektor maklumat dan juga lain-lain sektor yang melibatkan pengesanan item. Apakah RFID atau *Radio Frequency Identification* ? RFID teknologi merupakan sebuah teknologi yang menggunakan gelombang radio mengenal atau mengesan sebarang objek fizikal. Dengan kata lain, RFID merupakan sebahagian daripada contoh teknologi Auto-ID (*Automatically Identification*) yang membolehkan objek fizikal dikenal pasti secara automatik. Lain-lain contoh teknologi Auto-ID adalah seperti penggunaan kodbar, bio-metrik (seperti penggunaan cap jari dan imbas retina), pengenalan berasaskan suara dan sistem perakuan karakter optik atau OCR (*optical character recognition*).

## Kelas frekuensi RFID

Secara asasnya terdapat empat (4) jenis frekuensi RFID iaitu **Low Frequency (LF)**, **High Frequency (HF)**, **Ultra High Frequency (UHF)** dan **Microwave Frequency**. Berikut adalah perbandingan di antara keempat-empat kelas frekuensi yang dinyatakan.

|                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>LOW FREQUENCY (LW)</b>         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai frekuensi di antara 30KHz dan 300KHz.</li> <li>• Bagi aplikasi sistem, julat frekuensi yang sering dipakai adalah di antara 125KHz hingga 134KHz.</li> <li>• Berfungsi dengan baik di keadaan yang mempunyai besi, cecair, kotoran, salji atau lumpur.</li> <li>• Diterima pakai di seluruh dunia.</li> </ul>                                                                                          |
| <b>HIGH FREQUENCY (HF)</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Julat frekuensi adalah dari 3MHz hingga 30MHz.</li> <li>• Bagi aplikasi sistem, frekuensi 13.56MHz sering digunakan.</li> <li>• Frekuensi ini banyak digunakan di perpustakaan, hospital dan perladangan.</li> <li>• Julat frekuensi ini diterima di seluruh dunia.</li> </ul>                                                                                                                                   |
| <b>ULTRA HIGH FREQUENCY (UHF)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Julat frekuensi adalah dari 300MHz hingga 1GHz.</li> <li>• Bagi penggunaan biasa atau menggunakan tag pasif, sistem beroperasi pada frekuensi 915MHz (USA) dan 868MHz (Europe).</li> <li>• Digunakan untuk industri pertahanan, logistik dan peruncitan.</li> <li>• Tidak diterima sepenuhnya di seluruh dunia. Jepun dan China adalah contoh negara yang tidak membenarkan penggunaan frekuensi ini.</li> </ul> |
| <b>MICROWAVE FREQUENCY</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Julat frekuensi melebihi 1GHz.</li> <li>• Bagi aplikasi sistem, julat yang sentiasa digunakan adalah di antara 2.45GHz atau 5.8GHz.</li> <li>• Penghantaran data yang paling pantas di antara tag dan pembaca.</li> <li>• Digunakan dalam aplikasi industri, saintifik dan perubatan.</li> </ul>                                                                                                                 |

## Sistem RFID

Sesebuah sistem RFID merupakan koleksi komponen bersepadu peralatan yang melaksanakan sebuah penyelesaian berasaskan RFID. Sebuah sistem RFID meliputi komponen-komponen berikut:



**Tag.** RFID tag terdiri daripada pelbagai jenis iaitu tag aktif, tag pasif dan juga semi aktif.

**Pembaca (reader).** Merupakan komponen penting untuk mengimbas dan membaca data yang disimpan di dalamnya.



**Pengawal (controller)** . *Controller* merupakan satu-satunya komponen di dalam sistem RFID yang membolehkan wujudnya komunikasi di antara tag dan pembaca RFID. Bagi generasi baru pembaca, pengawal ini berada secara bina-dalam (*built-in*).


**Sensor, pendorong dan penyalir (sensor, actuator, annunciator).** Sensor digunakan untuk menghidupkan atau mematikan pembaca tag rfid secara automatik. Pendorong atau *actuator* merupakan sebuah peranti mekanikal yang mengawal atau menggerakkan objek. Sebagai contoh, pintu akses barrier gate yang terbuka apabila kad yang mempunyai tag dibaca. Penyalir atau *annunciator* adalah isyarat elektronik atau indikator. Sebagai contoh, penggera panel keselamatan yang berbunyi apabila buku di bawa keluar tanpa data kebenaran keluar diubah pada tag rfid.



**Sistem perisian dan hos.** Secara teorinya, sistem RFID boleh berfungsi tanpa sebuah sistem perisian . Namun secara realiti atau praktik, RFID tidak mempunyai nilai jika berfungsi secara bebas tanpa didokong oleh sistem pengurusan atau perisian.

**Infrastruktur komunikasi.** Komponen mandatori ini menyediakan sambungan dan membolehkan sistem pengurusan dan keselamatan bagi pelbagai komponen yang ada di dalam sistem RFID berfungsi dengan baik.

## Aplikasi RFID di perpustakaan



Perlaksanaan sistem RFID di perpustakaan boleh meliputi dari pelbagai aspek. Bermula daripada pengurusan inventori sehinggalah kepada produktiviti operasi sesebuah perpustakaan itu. Sistem RFID juga boleh digunakan sebagai sistem keselamatan perpustakaan. Namun bagi senario amalan sistem RFID di kebanyakan perpustakaan di Malaysia, penggunaan sistem hibrid RFID merupakan satu kaedah yang terbaik yang diamalkan. Sistem hibrid RFID merupakan sebuah sistem yang menggabungkan teknologi RFID dan teknologi Elektromagnet (EM). Teknologi EM digunakan sebagai sistem keselamatan untuk bahan-bahan perpustakaan selain tag RFID yang berada pada bahan perpustakaan.

Berdasarkan senario masa kini, sistem HF RFID telah menerima persaingan hebat daripada UHF RFID. Namun HF RFID telah mempunyai tahap kematangan yang diperakui oleh kebanyakan perpustakaan terutamanya perpustakaan akademik. Malah HF RFID telah menepati piawaian ISO bagi pengurusan item iaitu ISO 18000 dan juga ISO 14443. Bagi UHF RFID, masih lagi banyak kajian dilakukan oleh firma pengeluar sistem RFID perpustakaan kerana fungsi UHF RFID itu sendiri tidak dibangunkan untuk aplikasi di perpustakaan.

## NOSTALGIA: SITC-MPSI-IPSI

terkadang2 sampai dua tiga malam dia tidak pulang2. Bagitu-lah hal-nya sa-hingga Mak Chik melahirkan Aini. Pada masa Aini maseh dalam bedongan lagi ayah-nya telah meninggalkan kami kerana ia telah termakan beberapa banyak wang kerajaan. Hingga sekarang ini berma'ana sudah tiga belas tahun-lah ia telah pergi, dan mengikut cherita2 orang ia telah melarikan diri ka-selatan Siam, konon-nya sekarang telah hidup mewah kerana ia telah berkahwin dengan sa-orang janda kaya.

“Bagi diri Mak Chik tidak-lah dapat menggambarkan bagaimana hanchor dan sedeh-nya mengenangkan perbuatan yang di-lakukan oleh-nya kapada Mak Chik ini. Bukan sadikit barang2 kemas Mak Chik dan kepunyaan ibu Mak Chik yang telah di-jual dan di-gadaikan. Kejam sa-kali hati-nya membiarkan isteri dan anak-nya di-dalam kehidupan yang menderita, dan jauh sa-kali daripada mengirinkan wang untok perbelanjaan anak-nya. Bila terkenangkan ini semua Mak Chik ta’dapat bekerja lagi, hanya ayer mata sahaja bertukar mengambil peranan penting. Remok redam semua sa-kali hati. Hanya kapada Aini itu-lah sahaja tempat pergantungan Mak Chik pada masa yang akan datang. Sebab itu-lah walau pun Mak Chik terok bekerja tidak mengapa asalkan Aini dapat belajar sa-hingga menjadi sa-orang yang berguna dan boleh di-harap. Biar-lah sa-takat ini sahaja cherita Mak Chik ini kerana hari pun sudah petang. Mak Chik minta tolong-lah Che’gu ajarkan anak Mak Chik yang malang itu supaya besok ia tidak menerima nasib saperti Mak Chik ini”.

“Terima kaseh Mak Chik, harapan Mak Chik itu akan saya sempurnakan, dan saya akan chuba menolong supaya Aini mendapat bantuan daripada kerajaan”, tegas Che’gu Ismail.

“Kalau bakitu shukor-lah, kerana Maik Chik ini orang miskin, hidup umpama ayam: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

“Baik-lah Mak Chik, biar-lah saya pulang dahulu”.

“Ya, baik-lah Che’gu”, jawab Mak Limah.

Sa-bulan kemudian Aini telah mendapat biasiswa daripada kerajaan, dengan itu ia makan tekun lagi dalam pelajaran-nya. Mak Limah juga terasa benar gerang-nya kerana dengan itu bebanan-nya menjadi ringan sadikit.

Tetapi, dua bulan kemudian .....

Biasa-nya tiap2 hari Aini pulang daripada sekolah pada pukul dua tengah hari; tetapi hari itu sudah lewat benar belum juga pulang2 lagi. Hati Mak Limah sudah mulai risau dan fikiran-nya kelam kabut. Kemudian ia merungut sa-orang diri, “barangkali ada apa2 hal di-sekolah-nya”.

Pada pukul empat petang itu datang-lah sa-buah jip polis ka-rumah-nya. Sa-orang pegawai polis itu bertanya, “Kamu-kah bernama Halimah, ibu kapada Aini?”

“Ya, kenapa? apa-kah hal yang telah berlaku kapada anak saya?” Mak Limah menyoal dengan rupa kechemasan.

“Kamu di-kehendaki datang ka-rumah sakit dengan segera kerana Aini anak kamu kena kemalangan”, jawab pegawai polis itu.

“Kemalangan? Ya Allah! apa kamalangan-nya?”

“Ta’ada apa2, hanya dia mendapat luka sadikit sahaja”, tegas pegawai polis itu untok menyenangkan hati orang tua itu.

Mak Limah pun tidak membuang masa lagi terus naik ka-atas jip itu. Di-kepala-nya timbul berbagai2 soalan yang ta’dapat di-putuskan masa itu. Sa-ketika kemudian sampai-lah ia ka-rumah sakit.

“Ya Allah! Aini anak-ku.....kenapa kau nak? Siapa-kah membuatkan kau jadi bagini.....? Kau meninggalkan aku lebeh dahulu rupa-nya! Musnah-lah harapan ku untok mendapat kesenangan hidup daripada kau.....Ya Tuhan

“Mengimbau

kenangan koleksi

cerita yang pernah

ditulis oleh Anak

Kandung pada era

MPSI dalam majalah

Chendera Mata Bil. 51

tahun 1959. Majalah

Chendera Mata ini

adalah antara Koleksi

Anak Kandung yang

boleh dirujuk di PTB”

ku! apa-kah gerangan nasib menimpa diri ku.....? Aini, hanya kau-lah yang ibu harap2kan, tetapi.....” dan berbagai2-lah lagi ratap tangis Mak Limah di-samping anak-nya yang telah terbujur kaku menjadi mayat itu.

Kemudian, tiba sa-orang laki2 mendapatkan Mak Limah. Ia merenongi muka Mak Limah dengan tepat-nya, tatkala itu kedapatan muka-nya berubah menjadi puchat dan kagum. badan-nya menggeletar, dan dengan langkah yang kaku ia mara lebeh hampir kapada perempuan yang sedang meratap hiba itu.

“Kau ini Halimah-kah?” orang itu bertanya dengan tiba2.

Mak Limah memandang ka-arrah suara itu. Ia menjaai sa-besar2 kehairanan kerana ia memang kenal orang itu. Dengan suara yang kaku ia menjawab, “Ya saya Hilamah”.

“Siapa-kah budak itu?, tanya laki2 itu lagi.

“Dia Aini anak saya”.

“Halimah, barangkali kau sudah tidak kenal lagi siapa aku ini”.

“Tidak, saya maseh kenal lagi, kau-lah.....Sha’ari”.

“Ya, sa-benar-nya-lah aku Sha’ari. Aku-lah bekas suami mu, dan.....aku-lah.....ayah kapada Aini”. Suara-nya terhenti sa-takat itu, ia terus menangis dengan berhamboran ayer mata-nya.

Kemudian dengan suara yang putus2 dan terketar2 ia berkata lagi, “Aku tahu apa yang kau rasakan sekarang Halimah.....perasaan aku juga demikian .....Aku berdosa Halimah. Aku telah meninggalkan kau dan Aini, dan.....aku-lah yang telah melanggar Aini masa ia hendak melintas jalan tadi”.

“Ma’afkan aku Halimah.....Aku berdosa-”

Halimah tidak berkata apa2 tangis-nya juga sa-makin hebat. Bagi-nya, gelap dan sempit sa-kali dunia yang terhampar luas ini. Intan yang berchahaya menerangi hati-nya itu telah hanchor. Bagitu-lah hati-nya turut menjadi korban sama.

Kemudian beberapa orang pegawai polis masok ka-situ. Sha’ari di-bawa ka-balai polis. Ia bukan sahaja di-dapati salah melanggar budak perempuan itu; tetapi di-dalam kereta-nya terdapat pula beberapa beg yang berisi chandu.

Sha’ari hanya menanti hukuman sahaja di-atas tiga kesalahan, termasuk kesalahan-nya kerana manghilangkan beberapa banyak wang kerajaan sa-masa ia berjawatan kerani dahulu.

• S E L E S A I

MD. YUSOR bin KASIM,

(Murid Tua 1958).

**SIDANG REDAKSI:** Penasihat Rusliza Yaacob, Ketua Pengarang Hj. Siti Sumaizan Ramli, Editor Najah Saghirah Haroman, Pengarang Mohamed Zaid Idris, Wan Kartini Wan Sulaiman, Firdausiah Ahamad, Mohd Razalli Ahmad Termizi, Nor Hanizah Zahid, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Afzanizam Dullah Hashim, Khairul Asyrani Sulaiman, Penerbitan dan Edaran Raja Radiah Raja Ahmad, Ahmad Fazli Ahmad Rasmi, Pereka Web Rozman b Che Ross, Juru-foto Fazilah Ahamat, Zaini Alipiah.